

**TEKS UCAPAN YBHG. PROF. DATO' DR. MUSA AHMAD
NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2017**

**27 FEBRUARI 2017
30 JAMADILAWAL 1438H**

SEGMENT 1: ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini bersempena Majlis Amanat Tahun Baharu 2017.
2. Sesungguhnya saya amat berterima kasih dan menghargai jasa baik hadirin sekalian melapangkan masa untuk hadir ke majlis ini. Begitu juga rasa penghargaan saya kepada seluruh tenaga kerja dan urusetia yang telah bertungkus lumus bagi memastikan kesempurnaan perjalanan majlis ini.

**Besar Niat Mengail Haruan
Apakan Daya Hanya Semilang
Membentang Amanat Sebagai Haluan
Membawa Usim Lebih Gemilang**

3. Mari kita memohon kepada Allah SWT agar dipanjangkan lagi umur, diberikan kesihatan dan diilhamkan ilmu dan pandangan baru untuk terus mencurahkan bakti kepada Universiti ini dalam mendapat rahmat dan barakah dari Allah SWT. Berkait dengan umur, Rasulullah SAW dalam hadis baginda riwayat At-Tirmizi dan Ahmad:

Dari Abdullah bin Busr radhiyallahu 'anhu, bahawa ada seorang Arab Badui berkata kepada Rasulullah Sallallahu

‘Alaihi Wasallam: “Wahai Rasulullah, siapakah sebaik-baik manusia?” baginda menjawab: “Orang yang paling panjang umurnya dan baik amalannya”

Hadirin dan warga USIM yang dirahmati Allah sekalian,

4. Alhamdulillah, kita telah diberikan masa dan tenaga bagi menyempurnakan kesemua 12 bulan pada tahun 2016. Sedar atau tidak, kita hampir memasuki penghujung suku pertama 2017. Pun begitu, ingin untuk saya mencari kesempatan ini untuk mengucapkan selamat tahun baharu kepada seluruh warga USIM dan semua para hadirin pada pagi ini. Terima kasih di atas usaha gigih anda semua sepanjang tahun lalu bagi memastikan universiti ini terus melangkah ke hadapan. Dan moga tahun ini kita akan melipat gandakan usaha dalam membawa USIM ke arah yang lebih cemerlang serta memanfaatkan ilmu yang dihasilkan demi keberkatan ummah sejagat.
5. Dikesempatan ini saya ingin mengimbau kembali kira-kira tiga tahun yang lalu apabila kita memperkasakan dan menjajarkan pelan Strategik USIM ke arah pengukuhan agenda integrasi ilmu naqli dan aqli. Tahun 2014, menyaksikan kita mengatur strategi dan perancangan agar USIM melangkah sebagai pusat rujukan integrasi ilmu naqli dan aqli di peringkat nasional dan serantau. Pada tahun 2025, Insyaallah kita mensasarkan USIM menjadi pusat rujukan integrasi ilmu naqli dan aqli di peringkat global pula.
6. Tahun lalu merupakan tahun yang cukup kritikal buat USIM. USIM-16 mensasarkan universiti menjadi pusat rujukan integrasi ilmu naqli dan aqli di peringkat serantau. Alhamdulillah, dengan usaha

keras semua pihak, USIM lebih *visible* bukan sahaja di peringkat serantau, tetapi juga di peringkat global. Lihat sahaja kejayaan demi kejayaan yang dicatatkan oleh warga USIM dalam tayangan video multimedia sebentar tadi. Terima kasih Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPKPK) yang telah bertungkus lumus memastikan pelan strategik USIM16 dicapai dan dilaksanakan.

7. Usaha berterusan USIM memartabat integrasi ilmu Naqli dan Aqli juga nampaknya mendapat restu daripada beberapa orang tokoh terkenal di peringkat global. Suka untuk saya memetik kata-kata beberapa ulama terkemuka berkenaan INAQ ketika Lawatan Kerja Rasmi USIM ke Arab Saudi dan Qatar pada bulan lepas:
 - a. Syeikh Dr Yusof Al-Qardawi;
“Tidak ada pertentangan di antara ilmu naqli dan aqli”
 - b. Syeikh Salih At-Talib, Imam Masjid Haram Mekah;
“Usaha yang telah USIM lakukan akan melahirkan benih-benih profesional serta pendakwah yang hebat. Saya menyokong penuh apa yang telah USIM usahakan”
 - c. Syeikh Abdul Bari Al-Thubaiti, Imam Masjid Haram Nabawi Madinah;
“Pelaksanaan program Permata Insan merupakan usaha yang jabbar (perkasa) yang USIM lakukan”
8. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada warga USIM yang telah melepasi proses audit SIRIM untuk ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 (Patuh Syariah). Malah USIM berpotensi dijadikan contoh untuk MS 1900: 2014 (patuh syariah) kerana mempunyai pasukan panel syariah yang kuat. USIM turut

akan menjadi universiti awam pertama yang bakal mendapat persijilan patuh syariah. Alhamdulillah, satu lagi milestone ke arah kampus barakah. Mohon didoakan!!!

9. Namun, perjalanan kita dalam memastikan ilmu yang terhasil di USIM dimanfaatkan, dan tersebar di segenap masyarakat dunia, masih lagi jauh. Masih banyak lagi yang perlu kita perbetulkan, pertingkatkan dan perbaiki, samaada dari aspek akademik, pelajar, penyelidikan dan pentadbiran. Dengan kekangan kewangan pada masa kini dan dinamika perubahan pesat pendidikan global, cabaran kita adalah lebih besar.

10. Untuk memperkemaskan strategi bagi kelangsungan agenda USIM 2025, Universiti telah menjajarkan **9 Sasaran Strategik** sebagai panduan halatuju untuk kita semua mencapai USIM-25 sebagai pusat rujukan global integrasi ilmu naqli dan aqli. 9 sasaran strategik tersebut adalah:
 - a. Membina kampus yang kondusif dan lestari dengan menyuburkan dan mengimarahkan budaya IQRA' ke arah pembentukan 'Kampus Barakah'.
 - b. Memperkukuhkan dan menginovasi program akademik berteraskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli melalui pendidikan yang fleksibel.
 - c. Meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan mengukuhkan kemahiran hidup melalui aktiviti pelajar yang berstruktur dengan memberi penekanan khas terhadap keusahawanan dan GIINA sebagai DNA bagi setiap pelajar USIM.

- d. Memperkasakan penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan berdasarkan integrasi ilmu Naqli dan Aqli melalui kolaborasi strategik dan ko-pembelajaran bersama universiti terkemuka.
- e. Memperkasakan kelestarian kewangan melalui Waqaf dan aktiviti penjana pendapatan yang lestari.
- f. Menghayati program kepimpinan berasaskan-Qalbu dalam memupuk dan membimbing bakat pentadbiran dan akademik, serta keupayaan kepimpinan yang mampu mendokong bidang keutamaan negara dan cabaran global.
- g. Mengenalpasti, menarik dan mengekalkan bakat dan kepakaran sarjana yang mampu mempelopori, memacu dan memperkayakan bidang tujahan utama pengajaran dan penyelidikan universiti yang berkaitan Industri Halal, Kewangan Islam dan Keselamatan Maklumat.
- h. Menerajui program *flagship* yang akan menjadi *showcase* sebuah universiti terkemuka berteraskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli; dan kesembilan.
- i. Meningkatkan dan mensinergikan komunikasi secara jelas dan konsisten terutamanya mengenai halatuju dan matlamat strategi di semua peringkat pengurusan merentasi serta melangkaui ekosistem universiti.

**Ke Pulau Jawa Mendayung Sampan
Buat Berdagang Tuan Laksamana
Sembilan Strategik Mengukuh Harapan
Dengan Kesungguhan Kita Laksana**

SEGMENT 2: PENGENALAN DAN PENERANGAN UMUM KAMPUS BARAKAH

Hadirin dan warga USIM yang saya kasihi,

11. Organisasi yang tidak melakukan pembaharuan akan berada dalam keadaan statik. Kita tidak boleh berada di zon selesa dan menganggap *business as usual* sahaja. Banyak contoh gergasi industri yang gulung tikar kerana gagal untuk berubah.
12. Namun, suka diingatkan bahawa 9 sasaran strategik ini tidak pernah menukar matlamat asal universiti. Kepimpinan yang silih berganti tidak pernah menukar falsafah dan visi serta misi USIM. Sehubungan itu, 9 sasaran strategik ini adalah kesinambungan, penyesuaian, penambahbaikan dan pengukuhan yang dibuat bagi mencapai matlamat meletakkan USIM sebagai institusi yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli.

Hadirin dan warga USIM yang dirahmati Allah sekalian,

13. Apakah yang kita harapkan sebenarnya bilamana pelajar, kakitangan, kurikulum, penyelidikan, khidmat masyarakat, latihan, aktiviti dan program yang semuanya berjalan atas prinsip integrasi naqli dan aqli? Adakah semata-mata berhasrat untuk dirujuki seantero dunia menjelang 2025 nanti?
14. Mari sama-sama kembali mengingatkan diri kita bahawa USIM adalah pusat ilmu yang menempatkan para ilmuan dan bakal menghasilkan tokoh ilmuan tersohor di masa hadapan. Ilmu yang terhasil dan dipelajari di bumi USIM hendaklah kita manfaatkan

agar kerberkatan ilmu itu sentiasa berterusan. Barakah ilmu itulah yang kita harapkan bagi menjadikan kampus kita ini, menjadi sebuah kampus barakah. Secara umumnya, perkataan barakah bermaksud **“kebaikan yang bertambah banyak, berkembang, tetap dan berterusan”**. Kalimah al-barakah disebut sebanyak 32 kali dalam al-Quran, di dalam 32 surah berbeza. Perkara-perkara yang dikaitkan dengan barakah di dalam al-Quran ialah Allah, manusia, al-Quran, tempat tertentu, masa tertentu, pohon yang tumbuh di tempat yang diberkati dan air yang suci.

15. Barakah juga ditakrifkan sebagai **“tetapnya kebaikan kurniaan Tuhan pada sesuatu perkara”**. Dengan adanya keberkatan, yang sedikit menjadi banyak; yang kurang menjadi cukup; keadaan menjadi bertambah baik, tanpa sebarang had dan ada kalanya tanpa dirasai dan diketahui sumber kedatangannya. Firman Allah dalam surah Al-A'raf ayat 96 yang bermaksud:

Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

16. Dalam konteks USIM, hasrat membangunkannya menjadi sebuah Kampus Barakah ini tidak lari daripada moto universiti yang telah sinonim dengan budaya kerja USIM iaitu **Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa**. Malah ia merupakan kemuncak penzahiran matlamat dan dedikasi dan iltizam seluruh warga USIM. Kerana itu saya percaya, visi dan misi universiti yang telah kita pegang sejak lebih

15 tahun lalu sudah meletakkan kita pada landasan yang betul dalam menuju ke arah menjadikan USIM sebagai Kampus Barakah.

17. Di USIM, konsep ilmu yang berpaksikan kepada Iqra' bukanlah sesuatu perkara yang asing malah telah menjadi asas pegangan setiap warga universiti. Iqra' merupakan asas penghasilan ilmu yang amat penting kerana dengan Iqra' prinsip dan sumber penghasilan ilmu yang syumul dan bermanfaat dapat dicapai. Malah Iqra' membawa USIM kepada pendekatan rentas disiplin (transdisiplin) dalam pendidikan dan penyelidikan; dari yang berpaksikan aspek teknikal dan mekanikal semata-mata atau STEM kepada yang lebih holistik dan selari dengan sifat manusia iaitu STREAM: *Science, Technology, Religion, Ethics, Arts & Mathematics*.
18. Dengan Iqra', ia menjadikan pendidikan di USIM berorientasikan masa depan bermatlamat untuk melahirkan ilmuan yang semakin tinggi ilmunya, semakin tunduk (*humble*) dan dekat kepada Pencipta yang Maha Esa. Selanjutnya ia menyumbang dalam perbincangan dan penyelesaian isu-isu berkaitan kelestarian, kehidupan bermasyarakat di peringkat tempatan mahupun global.
19. Konsep ilmu berpaksikan Iqra' terus kita perkukuhkan lagi melalui integrasi ilmu naqli dan aqli atau INAQ yang merupakan asas kepada penubuhan serta falsafah pendidikan USIM yang mana INAQ adalah integrasi ilmu yang menyasarkan penyatuan, kesepaduan ilmu, paradigma pemikiran yang holistik dan seimbang. Firman Allah dalam ayat 190-191, surah ali-'Imran:

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, (yaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): “Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari seksa neraka”

- 20.** Menerusi INAQ, kita doakan lahirnya pelajar, penyelidik, pensyarah dan pentadbir yang **mempunyai nilai-nilai seimbang daripada aspek intelek, rohani, emosi dan fizikal**. Ini disokong melalui inisiatif pembudayaan disiplin dan pembangunan bakat menerusi program Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli ataupun GIINA dan Staf Integrasi Amal Naqli dan Aqli atau nama ringkasnya SIANA dalam melahirkan insan yang mampu menyumbang secara positif kepada segenap aspek kehidupan berbanding penghasilan “modal insan” yang hanya bernilai dan berperanan sebagai alat ekonomi semata-mata.
- 21. Kumpulan GIINA dan SIANA** ini diharapkan dapat berperanan untuk merealisasikan strategi Lautan Biru USIM dalam menguruskan dan membangunkan struktur, paradigma dan matlamat universiti berpaksikan Maqasid Syariah sebagai *guiding principle* dalam sebarang usaha dan tindakan.
- 22.** Untuk semua ini berlaku, ia perlu bermula dan berpandukan qalbu (hati) setiap daripada kita. Peranan penting qalbu disebut dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya dalam jasad itu terdapat segumpal daging, sekiranya baik ia, maka baiklah keseluruhan jasad, dan sekiranya rosak ia, maka rosaklah keseluruhan jasad. Ia itu adalah qalbu”

23. Justeru, pembinaan model Kepimpinan Berpandukan Qalbu (Qalb-Guided) adalah sangat tepat pada masanya.
24. USIM dalam hal ini amat mementingkan aspek qalbu dalam menjadikan USIM sebagai *university with a heart*. Ia bermakna paradigma kepimpinan dan pembangunan bakat sama ada dari aspek akademik, pelajar, penyelidikan dan pentadbiran adalah berasaskan norma integriti, merendah diri serta personaliti kepimpinan yang dinamik berpandukan qalbu.
25. Hadirin sekalian, antara impak dan manfaat daripada terhasilnya kepimpinan berpandukan qalbu ini, Insyaallah, akan lahirnya warga USIM (para akademik, pentadbir dan graduan) terbaik (*khayr ummah*) yang berteraskan kepada prinsip *wasatiyyah* iaitu adil, holistik dan seimbang dalam sebarang tindakan dan keputusan yang dibuat.
26. Marilah kita sama-sama berdoa agar iltizam USIM menuju ke matlamat menjadi Kampus Barakah dipermudahkanNYA. Apa yang kita mahukan adalah manfaat dan limpahan keberkatan daripada graduan dan ilmu yang terhasil di USIM dapat dikongsi dan dinikmati bersama-sama bagi menjadikan **Kampus USIM; Kampus Barakah.**

**Susun Pelita Biarlah Sama
Ambil Kain Dibuat Sumbu
Kampus Barakah Menganjak Paradigma
Melahir Ilmuan Berakarkan Qalbu**

SEGMENT 3: WAY FORWARD 2017

Hadirin dan warga USIM yang yang saya kasihi sekalian,

Akademik

27. Pembelajaran abad ke 21 telah beralih kepada pendekatan digital dengan penggunaan teknologi-teknologi terkini yang menuntut pelajar hari ini untuk menyesuaikan diri dan bertindak balas secara bijak selari dengan pergerakan dan perubahan pantas teknologi dan ekonomi dunia. Selaras dengan Sasaran Strategik 2 USIM untuk memperkukuhkan dan menginovasi program akademik berteraskan integrasi naqli dan aqli melalui pendidikan yang fleksibel, program-program utama yang dikenal pasti untuk dilaksanakan bagi memperkukuhkan program akademik adalah:

a. Program USIM di Turki

USIM pada tahun ini akan melebarkan sayap ke negara Turki dalam penawaran program kerjasama peringkat Sarjana Muda dan Pasca Siswazah bersama dengan International University for Renewal (IUR), Turki. Penawaran program ini merupakan salah satu khidmat komuniti USIM kepada pelajar-pelajar pelarian dari negara yang berperang yang ingin melanjutkan pengajian ke menara gading. USIM telah memeterai perjanjian MoA dengan IUR bagi penawaran program pasca-siswazah dan akan memeterai perjanjian bagi

penawaran program Sarjana Muda secara kerjasama (*franchise*) bagi program seperti berikut:

- Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian, FPQS
- Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian, FKP
- Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat), FST

Selain dari itu, program pemindahan kredit atau *credit transfer programme* akan diperluaskan lagi menerusi jaringan Mevlana Program di Turki serta inisiatif oleh fakulti untuk melaksanakan program pemindahan kredit di institusi peringkat antarabangsa di samping mengoptimumkan jaringan MoA/MoU sedia ada. Sebanyak sembilan universiti telah dikenal pasti oleh pihak fakulti untuk menjalankan program pemindahan kredit samada di peringkat serantau mahupun global.

(*Paparannya dalam slide sahaja. NC tidak perlu sebut sembilan institusi ini): (slide gambar peta dunia)

- Suleyman Demirel University, Kazakhstan;
- University Prince of Songkhla, Pattani, Thailand;
- Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei;
- Universitas Islam Indonesia;
- Universiti Jember Indonesia;
- Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Indonesia;
- Universitas Sultan Agung (UNISSULA), Indonesia;

- Universitas Islam Negeri Syarif Kasim, Riau, Indonesia; dan
- University of Sharjah, United Arab Emirates.

b. Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH)

USIM terus memperkukuhkan program Pendidikan Sepanjang Hayat bagi memberikan ruang kepada masyarakat tidak mengira umur untuk mendapatkan pendidikan secara formal atau tidak formal. Penubuhan Bahagian Madal Hayah di bawah GOAL-ITQAN merupakan satu inisiatif USIM membawa program-program Pendidikan Sepanjang Hayat USIM dekat di hati masyarakat.

Menerusi kluster formal, program Diploma Siswazah Pengajian Islam (DISPI) Fakulti Syariah dan Undang-undang dibuka kepada individu yang berlatar belakang bukan Pengajian Islam. Manakala IHRAM menawarkan Sijil *Profesional Halal Analyst Program* dan *Professional Halal Executive Programme*.

Menerusi kluster tidak formal Pendidikan sepanjang Hayat USIM menawarkan kursus-kursus jangka pendek seperti Sijil Pengajian Quran dan Sunnah, Sijil Asas Ilmu Hadis dan Kursus Penyembelihan Halal.

c. Program *Two U Two i (2u2i)*

USIM ke arah pelaksanaan program **2u2i** selaras dengan hasrat Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi. Walau bagaimanapun, pada tahun ini USIM akan memulakan proses penawaran program berbentuk **3u1i**. Program ini

berkonsepkan pengajian tiga tahun di universiti dan satu tahun di industri. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan pekerjaan sebenar kepada pelajar secara praktikal dalam memahami ilmu pengetahuan atau teori yang dipelajari dalam kuliah. Pada tahun 2017, dua program pengajian akan melaksanakan program rintis **3u1i** iaitu Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan serta Sarjana Muda Syariah (Industri Halal) dengan Kepujian dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Sebagai suatu usaha yang lebih kreatif, USIM telah membawa industri ke dalam kampus bagi memberi pendedahan kepada pelajar menerusi kerjasama dengan Perfect Triangle Sdn. Bhd. bagi pelaksanaan *Hands on Programme for Entreprenurship* (HOPE). Selain itu, USIM juga telah bekerjasama dengan Hani D'Unggul Sdn. Bhd. bagi penawaran Program Inkubator Keusahawanan Kemahiran Fesyen kepada pelajar-pelajar USIM. Pelaksanaan program ini dapat meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan graduan yang merupakan perkara yang dinyatakan di dalam Program Agenda Kritikal oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

d. Pelaksanaan Sistem iCGPA

PNGK Bersepadu atau iCGPA adalah satu kaedah untuk mentaksir peningkatan pelajar dari segi adab, pengetahuan serta kemahiran teknikal dalam bidang yang diceburi. Projek rintis telah dilaksanakan pada sesi kemasukkan 2016/2017 lalu melibatkan program Fizik Gunaan, FST dan Kejuruteraan

Elektronik, FKAB. Pada tahun ini, semua program sarjana muda akan menggunakan sistem ini.

Penyelidikan

28. Sebagai gedung ilmu yang berperanan memacu perkembangan sesebuah negara, budaya penyelidikan cemerlang di kalangan para penyelidik dan pelajar USIM perlu ditingkatkan.
29. Bagi memenuhi aspirasi penyelidikan yang berintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli, aktiviti penyelidikan dan inovasi di USIM perlu berpaksikan 5 tunggak Maqasid Syariah agar ilmu yang dijana dan didedahkan oleh para penyelidik dan pelajar USIM dapat diaplikasikan untuk kebaikan ummah.
30. Apabila benih inovasi-inovasi USIM yang ditanam di seluruh pelusuk dunia, dan insyaAllah bermekar dan tersebar maka berlipat ganda barakah yang besar universiti ini. Oleh itu mulai tahun ini, aktiviti **penyelidikan di USIM** akan tertumpu kepada tiga tema utama iaitu:
 - a. ***To Sustain Humanity & Environment*** dimana fokus adalah untuk memastikan kelestarian kediaman, ekosistem, gaya hidup dan jaminan pemakanan.
 - b. ***To promote Wellbeing iaitu Kesejahteraan yang meliputi aspek kesihatan, pengurusan harta dan pengurusan kewangan merupakan sebagai asas kepada kesejahteraan ummah.***

c. **To Empower Communities & Societies** dalam **memperkasakan masyarakat dan komuniti melalui teras kebudayaan, nilai-nilai murni, dan jaminan keselamatan**

31. Transisi kepada penyelidikan *translational* seperti yang war-warkan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi dalam amanatnya Januari lalu boleh berlaku dengan licin berdasarkan falsafah pendidikan USIM yang memberi penekanan kepada program-program akademik bersifat gunaan. Oleh kerana penyelidikan translasional ini akan menjadi penyelesaian kepada isu-isu nasional dan antarabangsa yang memberi manfaat kepada masyarakat, akademia, kerajaan dan industri, ia bertepatan dengan konsep barakah yang disebutkan di awal tadi di mana limpahan kebaikan mengalir dan dimanfaatkan oleh pelbagai pihak khususnya komuniti dan ummah.
32. Untuk menyokong dan mempercepatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi sekali gus meningkatkan kualiti penyelidikan, pembangunan infrastuktur merupakan sesuatu yang sangat kritikal, “seed money” telah disalurkan untuk menubuhkan sebuah makmal analisis pusat yang akan dikenali sebagai *Clustered Central Analytical Laboratory*.
33. Bagi memastikan pembudayaan penyelidikan yang lestari dan memastikan feeder kepada program pasca siswazah penyelidikan yang lestari, pembangunan bakat penyelidikan di kalangan potensi penyelidik-penyelidik muda bermula prasiswazah dan Kolej Permata Insan akan diketengahkan. Justeru, pihak Universiti telah memperuntukkan dana bagi **Headstart Programme** untuk pembiayaan projek penyelidikan yang diterajui oleh penyelidik

USIM yang menyelia pelajar-pelajar pra-siswazah dan Kolej Permata Insan dalam bidang-bidang tujahan yang USIM telah kenalpasti.

Hal Ehwal Pelajar

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

34. Dalam usaha menjadikan USIM sebagai Kampus Barakah, adalah amat penting kita melahirkan graduan yang kompetitif, yang mempunyai integrasi ilmu naqli dan aqli bagi memenuhi keperluan sumber manusia negara dan ummah. Dalam memperkasakan Model GIINA yang telah diperkenalkan tahun lalu, fokus yang lebih besar akan diberikan kepada pemerksaan program **keusahawanan dan program kesukarelawanan**.

35. Projek keusahawanan akan dikembangkan lagi dengan penganjuran program-program yang dapat memberi peluang kepada semua pelajar USIM untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti keusahawanan. Ini adalah sebagai usaha bagi menghidupkan kembali sunnah Rasulullah SAW yang dahulunya amat bijak dan mahir dalam bidang keusahawanan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah membangunkan sebuah **Kanvas Model Perniagaan** dan melaksanakan **Program Keusahawanan Sosial** di Negeri Sembilan dan negeri-negeri yang lain. Bagi menyokong objektif ini sebanyak 10 program utama telah dikenal pasti untuk dilaksanakan pada tahun 2017.

(*Paparan nama program ini dalam slide sahaja. NC tidak perlu sebut

10 program ini):

- Kursus Lanjutan Keusahawanan Islam (KLAS)
- Perniagaan di Student Mall dan Kiosk Siswa Niaga
- Projek Keusahawanan Sosial (ENACTUS USIM)
- Projek Keusahawanan Tani (MYAGROSIS USIM)
- Siswapreneur @ Tech To Biz
- Program Inkubator Keusahawanan Kemahiran Fesyen USIIM-HDUSB
- Hands on Program for Entrepreneurship (HOPE)
- Minggu Keusahawanan Siswa (MKS) 2017
- Aktiviti Jualan Pengumpulan dana ke Program GISO dan Lawatan Antarabangsa
- Entrepreneurial Café "Ideas Day with PUNB"

36. USIM juga akan memperkenalkan program **Gap Year/Summer Volunteerism** selaras dengan inisiatif YB Menteri Pendidikan Tinggi dalam amanat beliau pada 12 Januari lalu. **Gap Year/Summer Volunteerism** merupakan “tempoh rehat” pelajar daripada aktiviti normal kampus dan berada di luar untuk menjalani program latihan atau kesukarelawanan di agensi yang bersesuaian.

37. Pada tahun ini USIM akan memperkenalkan satu program kesukarelawan selama tiga bulan manakala program *Gap Year* akan distrukturkan untuk dijadikan sebagai satu program berkredit.

Sumber Manusia

38. Perancangan sumber manusia yang mapan adalah kritikal dan penting dalam membentuk warga USIM yang faham, menghayati dan mendukung hasrat Universiti. Justeru satu modul latihan akan dibangunkan oleh Jabatan Pendaftar bersama-sama PIINA iaitu *Modul Latihan Berpandukan Qalbu (Qalb-Guided)*. Modul latihan ini akan terdiri daripada tiga fasa meliputi kesedaran, amalan dan pengukuhan.

i. Kursus Berpandukan Qalbu (Fasa 1- Kesedaran)

ii. Kursus Berpandukan Qalbu (Fasa 2- Amalan)

iii. Kursus Berpandukan Qalbu (Fasa 3 - Pengukuhan)

(Paparan di slide sahaja)

39. *Modul Latihan Berpandukan Qalbu (Qalb-Guided)* akan ditawarkan kepada semua kakitangan Akademik, Pengurusan dan Profesional dan Pelaksana mengikut fasa-fasa yang ditetapkan. Antara pengisian modul adalah kawalan diri, amanah, kecekalan, muafakat, hikmah dan adil bagi melahirkan warga USIM yang mempunyai nilai-nilai murni dan ciri-ciri yang digariskan agama. Modul ini akan mula dibangunkan pada tahun 2017, dan Insyaallah pelaksanaannya akan dimulakan seawal tahun 2018.

40. Tahun lalu USIM telah memperkenalkan GIINA, iaitu satu model yang mengandungi elemen-elemen bagi membentuk graduan yang holistik (seimbang). Konsep model ini akan dipanjangkan kepada kakitangan menerusi **Staf Integrasi Amal Naqli dan Aqli** atau **nama ringkasnya SIANA**. Model ini akan dimurnikan oleh Jabatan Pendaftar bersama PIINA berasaskan *konsep hablum minallah* dan *hablum minannas*.

i. Hubungan Manusia dengan Pencipta (Hablum Minallah)

ii. Hubungan Manusia dengan Manusia dan Alam (Hablum Minannas)

(Paparan slide sahaja)

41. Menerusi SIANA ini, kita berharap untuk melahirkan staf USIM yang dapat mengamalkan konsep naqli dan aqli dan menterjemahkannya dalam tugas yang diamanahkan. Lebih jauh lagi, kita mengharapkan peribadi yang mulia dan terpuji ini dijadikan sebagai satu cara hidup walau di mana dan apa jua situasi.

Kewangan

42. Sebagai sebuah universiti Islam, wakaf haruslah menjadi sumber kewangan yang mesti diperkasakan. USIM perlu menjadi *role model* serta lebih terkehadapan dalam membuat penjanaaan melalui konsep wakaf. Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 261 telah berfirman yang bermaksud:

“Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh bulir. Pada tiap-tiap bulir seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas (karunia-Nya) lagi Maha Mengetahui.”

Jika bukan USIM yang menjuarai aspek wakaf, universiti mana lagi yang perlu menjuarainya? Sesungguhnya wakaf merupakan perkara yang bertepatan dengan hasrat USIM ke arah kampus Barakah.

- 43.** Antara inisiatif wakaf yang telah menampakkan manfaat yang signifikan kepada USIM adalah:
- a. Dana wakaf tunai untuk tujuan umum;
 - b. Penubuhan Klinik Pakar USIM hasil kerjasama USIM dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) serta kerajaan Negeri Sembilan. Perkhidmatan kesihatan ini memberi peluang kepada golongan asnaf untuk mendapatkan perkhidmatan pakar;
 - c. Perkhidmatan Klinik Pakar Mata Bergerak (*Klip Mobile*), iaitu kerjasama USIM Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan;
 - d. Peruntukan biasiswa daripada sebuah Yayasan (*Foundation*) di Mekah berjumlah RM 400,000.00.
 - e. Sumbangan wakaf daripada Pertubuhan Antarabangsa Pengembangan Bahasa Arab (WORAL) yang juga merupakan ahli kepada Qatar Foundation bagi pembinaan Ruknu Arabi (*Arabic Language Corner*) di Perpustakaan USIM. Ruknu Arabi dijangka akan dirasmikan pada 18 Disember 2017 bersempena Hari Bahasa Arab Sedunia!!
- 44.** Selain itu, projek yang bakal dibiayai menerusi dana wakaf adalah pembinaan kolej kediaman, pembelian bangunan klinik pakar dan pembinaan lain-lain bangunan yang akan dikenalpasti kelak.
- 45.** Janaan daripada zakat juga akan diperhebatkan. Antara strategi yang bakal dilaksanakan untuk meningkatkan kutipan zakat adalah dengan menggiatkan hebahan dan promosi untuk menarik kesedaran kakitangan bagi membayar zakat menerusi potongan gaji. Selain itu, kaedah bayaran akan dipelbagaikan serta

dipermudahkan seperti membuka kaunter pungutan zakat dan pembayaran zakat secara *on-line*.

**Indah Malam Bintang Bekerlipan
Bertanya Rembulan Pungguk Di Mana
Membulatkan Tekad Melangkah Hadapan
Usim Tersohor Seantero Buana**

SEGMENT 4: HARAPAN DAN PENUTUP

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

46. Sebagai kesimpulan, perjuangan ini bermula daripada diri sendiri iaitu dari qalbu yang bersih, niat yang ikhlas dan matlamat yang jelas. Ini adalah syarat yang paling asas. Ayuh warga USIM, marilah kita menghayati nilai-nilai Teras USIM iaitu **Profesional, Efisien, Alamiyyah (Global), Amanah dan Muafakat** untuk menjadi seorang yang **Al-Qawiyy dan Al-Amin**, Insyaallah, tugas kita akan menjadi mudah. Dalam maksud surah al-Qasas, ayat 26: ***“Sesungguhnya orang yang paling baik untuk engkau berikan kerja ialah orang yang kuat (Al-Qawiyy) lagi amanah (Al-Amin)”***
47. Sebelum saya mengundurkan diri, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli LPU, JKPU, team PPKPK, pegawai pasukan penulis dan pelaksana Majlis Amanat yang diketuai oleh Pengarah StraComm serta warga USIM yang secara langsung dan tidak langsung telah menjayakan majlis pada pagi ini.
48. Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

-----TAMAT-----